

# PUTERI TUNGGAL SULTAN 'BUANGAN' MASEH HIDUP

11 JAN 1970

SA-ORANG puteri Almarhum Sultan Abdullah — Sultan Perak ke-26 yang di-buang ka-Pulau Sychelles dalam tahun 1884 dulu — maseh hidup dan dalam sehat sangat sekarang.

Puteri tersebut ia-lah Raja Aminah binti Almarhum Sultan Abdullah, sekarang berusia 86 tahun dan merupakan orang yang tunggal maseh hidup dari rombongan pembuangan Sultan Abdullah itu.

## 11 JAN 1970 Pembunuhan

Almarhum Sultan Abdullah di-buang ka-Pulau Sychelles kerana di-shaki terlibat dalam pembunuhan Enche J.W.W. Birch, Residen British yang pertama di-Negeri Perak, di-satu tempat bernama Pasir Salak.

Raja Aminah sekarang tinggal di-rumah anak bongsu-nya Raja Adnan bin Raja Alang Ismara, sa-orang juruteknik Jabatan Talikom Taiping di-alamat 154, Jalan Ta-

sek, Taiping, Perak.  
Ketika bertemu dengan Raja Aminah sendiri baru2 ini saya dapat keadaan beliau maseh sehat sangat dan boleh bertutor dengan elok walaupun umor-nya hampir sa-abad. Bukan itu saja bahkan Raja Aminah boleh bermain piano, meski pun beliau tidak boleh melihat nota lagu2 lagi.

Menurut Raja Aminah beliau di-lahirkan di-Pulau Sychelles dalam tahun 1884 ketika Almarhum ayahanda-nya mula di-hantar Inggeris ka-Pulau tersebut 'sa-bagai orang buangan'. Beliau dan dua orang lagi kekanda lelaki-nya ada-lah putera puteri dari Sultan Abdullah dengan Wan Itam yang terkenal dengan nama Wan Itam Rendom. Ibu-nya itu berasal dari Pulau Tiga dan dari keturunan orang2 memukul nobat. Kedua2 kekanda-nya ia-lah Raja Said Tauphy (yang sulong) dan kedua Raja Abdul Rahman.

Menurut Raja Aminah beliau di-besarkan di-Pulau Sychelles hingga berusia 8 tahun, dan "gembira tinggal di-pulau itu."

DI-Pulau Sychelles kata.

Oleh  
**YUSOFF  
BAKAR**

Raja Aminah, boleh di-dapati bermacam2 buah2an negeri ini kechual durian dan rambutan. "Buah manggis di-bawa ka-sana dari Melaka," ujar-nya.

Sa-masa di-Pulau itu keluarga Almarhum Sultan Abdullah di-tempatkan di-sabuh rumah besar dua tingkat yang di-sediakan oleh orang2 Inggeris. Sa-lama di-sana kata Raja Aminah, pada tiap2 hari Selasa Almarhum ayahanda-nya dan lain2 anggota rombongan "buangan" itu di-jamu makan yang enak2 oleh orang2 Inggeris.

Ketika ayahanda-nya Sultan Abdullah dan rombongan-nya di-benarkan pulang sa-mula ka-tanah ayer, mereka semua menaiki kapal laut melalui Aden dan Ceylon.

## 11 JAN 1970 Perjalanan

Rombongan itu tinggal lima hari lima malam di-Aden dan sa-lama di-Ceylon mereka di-bawa mengelilingi pulau tersebut.

"Perjalanan dari Pulau Sychelles ka-Singapura mengambil masa 25 hari," kata Raja Aminah. Rombongan Almarhum Sultan Abdullah tiba di-Singapura dalam tahun 1892 dan mereka di-sambut serta di-layani oleh Haji Mas Sidek, sa-orang guru di-sekolah Inggeris di-Singapura.

Raja Aminah memberitahu

bahawa sa-masa di-Singapura sa-telah pulang dari Pulau Sychelles itulah beliau mulai belajar bermain piano dan belajar membaca nota lagu2 sa-kali.

Beliau belajar sa-lama dua tahun dari Miss Davidson, sa-orang gadis Filipina yang pandai berbahasa Perancis.

Raja Aminah hinggap sekara rang boleh bermain piano — satu kegemaran-nya ketika mudah remaja dulu — dan lagu2 yang di-makan-nya ia-lah lagu2 Inggeris dan Melayu. Meski pun tak dapat lagi membaca nota2-nya tetapi beliau boleh bermain dengan chara ingatan. Sa-bulan lalu beliau pernah bermain piano di-rumah Enche Mustapa bin Haji Abdul Hamid, Penghulu Taiping yang tinggal berhampiran dengan rumah-nya, kerana piano kesayangan Raja

Aminah telah di-rampas oleh orang2 Jepun ketika pemerintahan Jepun di-lu-

Sa-terusnya Raja Aminah mencheritakan ketika beliau berusia 18 tahun, ayahanda-nya telah berpindah ka-Pulau Pinang. Raja Aminah mempunyai tujuh orang anak, empat perempuan dan tiga lelaki. Mereka itu: Raja Alshah (yang sulong dan telah meninggal); kedua Raja Ahmad yang sekarang berada di-Alor Se-

tar, Kedah; ketiga Raja Maheran (telah meninggal) keempat Raja Nazamuddin (juga meninggal).

Kelima Raja Fatimah, sekarang di-Taiping; keenam Raja Noraini (bekerja sa-bagai warden wanita di-Batu Gajah, Perak, sekarang) dan anak-nya yang bongsu, Raja Adnan.

Raja Aminah sa-terusnya meminta supaya di-bentulkan satu kesilapan gambar yang di-muat dalam buku "TANAH MELAYU DARI SEGI

SEJARAH", nombor satu, yang di-terbitkan oleh Persatuan Sejarah Bagi Tanah Melayu dalam bulan Februari, 1961. Dalam muka surat tiga buku tersebut telah mencheritakan asal lagu NEGARA-KU yang di-cheritakan oleh Raja Aminah binti Almarhum Sultan Abdullah, Raja Halijah binti Almarhum Sultan Abdullah dan Raja Kamarulzaman Ibni Raja Mansur.

Gambar yang di-siarkan di-muka surat itu kata Raja Aminah bukanlah gambar beliau.



Raja Aminah

150